

Islam dan Umat Islam

Tugas Pemuda Islam di Tanah Air

Membiarkan pengembang-pengembang agama Kristian dan pengembang faham-faham yang meruntuhkan Islam berleluasa di tanah air kita “ adalah satu perkara yang sangat-sangat memberi aib, memberi malu kepada umat Islam di seluruh tanah air, terutama kepada pemuda-pemudanya. Negara kita Tanah Melayu, ialah sebuah negara yang merasmikan Islam menjadi agamanya, diperintah oleh sultan-sultan Islam, cukup dengan jabatan-jabatan agama dan peraturannya, tetapi pemudanya sendiri beku, jumud, tidak menunaikan tugas terhadap agamanya – agama Islam” kata penulis rencana ini antara lain-lain. P. Q.

Oleh: Wahab Jalal

Siapakah Pemuda?

“Ialah mereka yang telah melalui zaman muda belum meningkat ke zaman tua. Tegasnya, ialah mereka yang masih tegap kuat, bersemangat, bergelora kemahuan, tajam ingatan, cekap bertindak dengan tegas, masih mempunyai darah perjuangan, masih kuat mengharungi gelombang hidup dengan gagah perkasa, belum bersifat menyerah, belum suka menerima seberapa ada, masih tertarik minatnya kepada tambahan dan segala rupa kemajuan, masih *Exelcior*, belum dingin, belum patah kemahuan”. Itulah yang dikatakan dia seorang pemuda – demikian mengikut takrif seorang pengarang Islam.

telah membuktikan bahawa semuanya itu tenaga pemudalah yang selalu menjayakannya.

Ini ternyata bila mana kita mengkaji sejarah perkembangan dunia. Umpamanya di Aljazair pemuda-pemudanya berkurban darah, mengangkat senjata dengan bermati-matian menentang penjajahan Perancis sehingga tercapai kemerdekaan. Di Afrika Selatan Negara Kulit Hitam pemuda-pemudanya tengah hebat berjuang membebaskan negara dari penjajahan, menentang apartheid (perbezaan warna kulit) dan melepaskan perhambaan dari orang-orang kulit putih. Tegasnya di dalam melaksanakan apa jua kehendak yang bersangkut paut dengan negara, bangsa dan agama, pemuda adalah menjadi tiang atau tenaga utamanya untuk menjayakan cita-citanya tersebut. Maka terkenallah di dunia ini beberapa bintang-bintang revolutioner yang jasa-jasa mereka diingati zaman berzaman sebagai Abraham Lincoln di Amerika,

Jose Rizal di Filipina, Voltaire dan Jean-Jacques Rousseau

Sejarah telah membuktikan bahawa di dalam mengubah sesuatu keadaan, baik membebaskan negara dari penjajahan, atau mengubah faham agama dari kekolotan atau mengikis adat lapuk yang merugikan, sejarah

di Perancis atau sebagai Jamal al-Din al-Afghani dan

Muhammad Abdurrahman di dalam Islam, Martin Luther dalam Kristian

dan sebagainya.

Tetapi bagaimanakah dengan pemuda-pemuda Islam di negara kita?

Di negara kita tidak kekurangan pemuda Islam.

Tetapi yang benar-benar berjiwa Islam, bersemangat Islam,

berpendidikan Islam dan benar-benar bersifat pemuda

(sebagai takrif di atas) itulah yang kita kekurangan.

Lantaran itulah maka sebabnya agama Islam tidak bersemarak,

tidak mengegarkan di mata pemeluk-pemeluk agama lain di negeri

ini, sebab tidak ada pemuda yang sudi meniup apinya

supaya bernyala, padahal apinya masih hidup. Bahkan

penganut-penganut agama lain memandang bahawa agama Islam itu

tidaklah ada kelebihan dan keagungannya dengan agama yang mereka

anuti. Kecuali hanya Islam itu dinobatkan menjadi

agama rasmi negara. Itupun rasminya termaktub

dikertas perlumbagaan sahaja, padahal dalam praktiknya,

amalannya amat berbeza sekali bahkan tidak ada kelebihannya

yang nyata bila dibandingkan dengan agama-agama yang lain.

Pemuda-pemuda Islam di tanah air kita ini mana-mana yang mendapat

pendidikan agama serta mempelajari sejarah perjuangan

Islam sejak dari mula berkembang sampai ke zaman

jayanya hingga masuk ke zaman malap dan mundurnya

mereka tentu akan merasa insaf bahawa kejatuhan umat

Islam tidaklah dapat disalahkan kepada sesiapa pun

tetapi kesalahan itu adalah berpunca dari umat Islam

sendiri. Faktor terbesarnya ialah kecuaian mereka

menjalankan hukum-hukum Allah serta mengamalkan sunnah Rasul-Nya

bukan kerana agama Islam tidak sesuai dengan keadaan

dan zaman.

Sebaliknya pula mana-mana pemuda Islam yang tidak mendapat

pelajaran agama, tidak mempelajari sejarah Islam yang

sebenar-benarnya dari punca alim ulama Islam sendiri

bukan dari buku-buku Orientalis Barat, tentu sekali

sikap pandangan mereka jauh berbeza dengan pemuda-pemuda

di atas tadi.

Setengahnya pula fahamannya telah dirosakkan oleh

pengajaran-pengajaran Kristian, sebab sejak kecilnya sudah

diasuh di sekolah-sekolah Methodis atau di sekolah-sekolah Inggeris

yang di dalamnya diajarkan agama Kristian. Niat ibu bapanya

mula-mula hanya supaya anaknya mempelajari bahasa Inggeris,

tetapi dengan tidak disedari ajaran Kristian telah

meresap sama sehingga menjadi darah dagingnya.

Pemuda-pemuda begini umumnya bolehlah dikatakan juga



Gambar kenangan pelajar-pelajar dan guru-guru serta dif-dif dalam perayaan yang telah diadakan oleh Madrasah *al-Masriyyah*,

Bukit Mertajam, Seberang Perai.

pemuda Islam. Sebab ibu bapa mereka menganut agama Islam dan mereka sendiri tidaklah pula mengatakan bukan Islam. Tetapi hakikatnya mereka ini jauh daripada Islam atau lebih tepat dikatakan (Islam celup) atau (Islam baka) tidak termasuk bilangan (pemuda Islam) yang sejati.

Kekurangan pemuda Islam yang mengetahui selok belok agama, sejarah dan kewajipannya, itulah sebabnya maka agama Islam di tanah air kita belum mengalami apa-apa perubahan besar. Dan pokok terpenting di dalam melaksanakan sesuatu cita-cita ialah persatuan dan persefahaman. Tetapi di negara kita belumlah terwujud lagi satu barisan pemuda Islam dalam erti kata yang sebenarnya, merupakan tentera Allah (*junūd Allāh*) yang sanggup mempertahankan agama Allah dengan segenap tenaga dan jiwynya sekali. Adapun yang ada hari ini hanyalah barisan pemuda Islam cabang dari parti-parti politik, yang tentunya ideologi mereka bertentangan, yang satu menyalahkan yang lain.

Seharusnya pemuda-pemuda Islam yang mengaku dirinya bertanggungjawab terhadap nasib bangsa, agama dan negaranya hendaklah bersatu di dalam satu ikatan teguh dan kukuh serta meleburkan sama sekali sentimen kepartian masing-masing. Janganlah memandang parti dan fahaman dalam menegakkan agama Allah. Menegakkan agama Allah itu adalah wajib atas setiap pemeluknya. Bersatulah di bawah bendera (*Lā Ilāha Illā Llāh Muḥammad Rasūl Allāh*) iaitu bendera yang tidak dipengaruhi oleh mana-mana parti politik dan pertubuhan, tidak diikat oleh mana-mana aliran dan faham kecuali Islam semata-mata. Pemuda-pemuda Islam tertuntut berjuang mengikut dasar-dasar hukum yang telah digariskan Allah di dalam Al-Qur'an dan sunnah RasulNya, untuk menebus kembali segala kesalahan yang telah dilakukan oleh orang-orang

kita dahulu. Pemuda-pemuda Islam hari ini tertuntut menyalakan kembali semangat Islam sejati sehingga bergema kalimah (*Allāhu Akbar*) di seluruh tanah air.

Pemuda-pemuda Islam tidak seharusnya melupakan perintah Tuhan yang bermaksud: "Berpeganglah kamu semua dengan tali Allah dan jangan berpecah belah."

Sebenarnya jika dikaji amat banyak kewajipan-kewajipan yang mesti dilaksanakan oleh pemuda-pemuda kita hari ini terutamanya memberi, menyampaikan tabligh-tabligh agama kepada penduduk tanah air, khususnya kepada bangsa-bangsa asing. Kerana kewajipan menyampaikan dakwah atau seruan Islam ini bukanlah hanya terserah kepada jabatan-jabatan agama negeri sahaja tetapi kepada seluruh pejuang-pejuang Islam. Kita melihat jabatan-jabatan agama tanah air kita ini yang menjalankan (dakwah Islamiyyah) -nya amat lemah sekali, kecuali beberapa buah negeri. Itu pun baharu peringkat permulaan. Usaha-usaha yang lebih berkesan seumpama mengadakan filem-filem agama, memberi gaji khas kepada penyebar-penyebar agama, mengadakan kursus khas kepada bakal-bakal mualigh tidak ada sama sekali, baharu dalam ura-ura. Orang-orang yang masuk Islam yang dilaporkan oleh jabatan agama pada setiap tahun itu sebenarnya bukanlah hasil dakwah tetapi mereka itu masuk Islam setengahnya hanya mahu berkahwin dengan wanita atau lelaki Islam sahaja dan setengahnya pula memang mendapat pertunjuk dari Allah.

Tugas mengembangkan agama ini bukanlah pula terserah kepada alim ulama sahaja kerana sebetulnya alim ulama itu hanyalah sebagai petunjuk jalan atau pemberi nasihat. Yang menjalankan tugas yang suci itu sewajibnya ialah pemuda. Sebab sifat pemuda dalam segala hal lebih cergas dan berani. Tambahan pula alim ulama di tanah air kita ini kebanyakannya sudah lanjut usia

dan semangat untuk berjuang telah berkurangan. Alim ulama, yang diakui adalah sebahagian besarnya diikat oleh undang-undang dan jawatanannya. Setengahnya terpenjara oleh wang dan pangkat, tidak bebas untuk bertindak sebagaimana semestinya. Setengah fatwa-fatwa yang dikeluarkan mereka bukan untuk umat Islam tetapi untuk kepentingan suatu pihak dan golongan.

Oleh kerana tugas mengembangkan agama ini telah diabaikan oleh pemuda-pemuda Islam, lalu dengan tidak disedari, pengembang-pengembang agama Kristian menceleh masuk. Mereka pun menyebarluaskan agama mereka ke serata negeri, ke kampung-kampung, ke sekolah-sekolah dengan berbagai cara dan rupa. Maka tersebarlah risalahnya (*Suluh Hidup*) di sana ke mari untuk merasuk kanak-kanak Islam.

Seyoga diketahui, yang mempelopori tugas ini tidak lain daripada pemuda-pemuda Kristian sendiri, yang terkenal dengan nama: Y.M.C.A. (Pertubuhan Pemuda-pemuda Kristian).

Ini adalah suatu perkara yang sangat memberi aib, memberi malu, kepada umat Islam di seluruh tanah air kita,

terutama kepada pemuda-pemudanya. Negara kita Tanah Melayu ialah sebuah negara yang merasmikan Islam menjadi agamanya, diperintah oleh sultan-sultan Islam, cukup dengan jabatan-jabatan agama dan peraturannya, tetapi pemuda-pemudanya sendiri beku, jumud, tidak menunaikan tugas terhadap agamanya – agama Islam. Sebaliknya pemuda-pemuda Kristian telah mengambil langkah terpenting mengembangkan ajaran agama mereka. Yang demikian adalah merupakan satu cabaran kepada pemuda-pemuda Islam di negeri ini.

Hal ini seyoga lekas disedari, diinsafi oleh pemuda-pemuda Islam. Apa yang sedang berlaku di Indonesia janganlah hendaknya dibiarkan berlaku di sini!

Sebab itu sewajibnya pemuda-pemuda Islam merasa cemburu terhadap nasib agama Islam pada masa depan. Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu bangsa, agama dan negara sehingga bangsa itu sendirilah yang mengubahnya.

Di negara kita sekarang bandingkanlah di antara gereja dengan masjid. Mana yang lebih banyak didirikan dalam sebulan. Bandingkanlah mana yang banyak di antara anak-anak Islam

- Sambungannya pada muka 36



Pelajar-pelajar Islam dari Kedah ((Darul Aman)) bergambar untuk kenangan.

Tugas Pemuda-Pemuda Islam di Tanah Air

Sambungan dari muka 15

yang belajar di madrasah-madrasah dengan anak-anak Islam yang menuntut di sekolah-sekolah Inggeris Kristian. Di situ kita akan dapat menentukan bagaimana nasib agama Islam dalam zaman akan datang.

Jangan kita biarkan agama lain bermaharajela di negara kita. Jangan kita biarkan mereka menyentuh kesucian agama Allah dengan leluasa. Pada hal kita masih mempunyai tenaga untuk berjuang. Masih mempunyai darah untuk berkorban. Resapkanlah roh kepahlawan Islam ke dalam diri kita, roh *shuhadā'*, *anbiyā'*, *awliyā'*. Roh yang lebih mencintai mati dari melihat agama mereka terkubur. Firman Allah *Ta 'ālā*:

Wa jāhidū bi amwālikum wa anfusikum fi sabīli-Llahi, dhālikum khayrun lakum in kuntum ta 'lamūn (al-Tawbah. 41)

Ertinya: "Berjuanglah kamu dengan harta dan jiwa pada jalan Allah. Yang demikian itu adalah sebaik-baiknya bagi kamu jika kamu mengetahui."

Kini abad ke dua puluh. Abad manusia terbang ke bulan. Umat manusia terus juga berjuang dengan tidak ada rehatnya. Seminit kita terlalai telah berpuluhan-puluhan batu kita ditinggalkan. Jika kelalaian itu tidak kita insafi, maka tak usah diharap kita bangun atau dapat menegakkan kalimah Allah. Apa yang muah kita banggakan pada hal kita tertinggal di belakang? Muah mengatakan agama Islam agama perdamaian pada hal umatnya masih bersinggit¹. Muah mengatakan Islam agama undang-undang hidup pada hal tidak ada sebuah negara Islam pun yang menjalankan hukum Islam dengan sepenuhnya. Muah mendakwa Islam agama

kemajuan pada hal umatnya masih mundur, setengahnya masih dijajah. Tidak ada tempat yang dapat kita banggakan. Hanyalah menyebut-nyebut mengulang-ulang kisah kemegahan Islam seribu tahun yang lampau. Pada hal alam sentiasa berubah, yang lepas hanyalah menjadi kenangan belaka. Kalau muah ditegakkkan semula kemegahan Islam yang lalu hanya satu jalan sahaja iaitu berjihad di dalam segala lapangan. Pelajaran, fikiran, ekonomi, pergerakan, penyiaran agama, pemerintahan dan sebagainya.

Bila ini semua telah dilaksanakan baharulah Islam dapat menggegarkan di mata pelosok agama lain, dapat menggerunkan musuh-musuh Islam, sebab telah ada bukti yang dilihat. Tetapi sekiranya agama Islam di tanah air kita masih tetap juga begini, ulama-ulamanya beku, pemuda-pemudanya jumud, pengikut-pengikutnya masih diliputi oleh khurafat dan bid'ah, maka tunggulah sahaja kebinasaan menimpa. ((Setiap bangsa mempunyai ajal, maka akan sampailah ajalnya apabila hilang kemerdekaan dan kemurniaan agamanya)).

Jadi tugas untuk membela kesucian, keagungan agama Allah ini terpikullah di atas bahu pemuda-pemuda Islam di tanah air. Pemuda-pemuda Islam lepasan kolej Islam di tanah air, atau universiti-universiti Islam di seberang laut atau siapa sahaja pemuda-pemuda yang berpendidikan Islam adalah tertuntut menubuhkan satu barisan ((Pemuda Islam)) yang berjuang mencari keredaan Allah bukan mencari pangkat, kerusi, atau menjadi alat. Barisan yang sanggup mengorbankan darah dan jiwa jika perlu. Yang benar-benar dipelopori oleh pemuda Islam, bersemangat Islam, berpendidikan Islam.

Mari pemuda! Kita nyalakan kalimah (*Allāhu Akbar*) dalam satu barisan yang teguh padu. Merupakan (*bunyān marsūs*)!

¹ Perkataan sebenar ialah bersengketa